

Keratan Akhbar bertarikh 3 Mei 2016

Sinar Harian, Malaysia.

# Bantu tingkat ekonomi rakyat

Kerajaan negeri tambah peruntukan sebanyak RM31 juta untuk pembangunan usahawan

■ NOR AZIHAN MD GHAZALI

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor memandang serius soal pembangunan usahawan di negeri ini apabila menyediakan peruntukan tambahan RM31 juta bagi menampung peruntukan sedia ada iaitu RM100 juta menerusi Belanjawan Selangor 2016.

Exco Pembangunan Generasi Muda dan Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari berkata, peruntukan berkenaan bukti kerajaan negeri berusaha keras membantu untuk meningkatkan taraf hidup dan ekonomi rakyat.

Menurutnya, bagi tujuan itu kerajaan negeri mewujudkan program Hijrah

Selangor yang berjaya melahirkan ramai usahawan di negeri ini.

"Hijrah Selangor adalah program di peringkat permulaan yang mana usahawan boleh dapat bimbingan memulakan langkah pertama dalam dunia perniagaan.

"Ia menunjukkan prestasi sangat baik bukan hanya mampu membantu dan menyalurkan pinjaman kepada lebih 19,000 rakyat Selangor tetapi menunjukkan rekod baik dari segi kutipan pinjaman baik pada kadar 97 peratus," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Selangor Food Mega Festival (SFMF) 2016 di Dataran Kemerdekaan Shah Alam di sini, malam kelmarin.

Pada SFMF itu, kira-kira 150 usaha-

wan turut serta menjual pelbagai jenis makanan yang berlangsung selama dua hari bermula kelmarin dan semalam.

Beliau yang juga Adun Batu Caves berkata, Jawatankuasa Pembangunan Usahawan Negeri berjaya mengajurkan program SFMF kali kedua dan menjadikan ia sebagai salah satu acara utama di negeri ini.

"Tidak dinafikan majoriti rakyat Malaysia adalah 'kaki makan' dan hampir 150,000 pengunjung dicatatkan pada SFMF tahun lalu.

"Kejayaan penganjuran kali pertama yang turut mendapat sambutan hangat daripada usahawan dan orang ramai mendorong kita untuk mengajurkannya bagi kali kedua ini," katanya.



Amirudin menurunkan tandatangan sebagai simbolik perasmian SFMF, malam kelmarin. - Foto: SELANGOR KINI